

Khairy lontar cabaran tambahan buat juara Paralimpik Rio

KUALA LUMPUR 10 Okt. - Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin melontarkan cabaran kepada pemenang pingat emas Sukan Paralimpik Rio, Abdul Latif Romly untuk menyumbang pingat emas di Sukan SEA 2017 selain memecah rekod kebangsaan bagi acara lompat jauh dalam tempoh terdekat ini.

Beliau tidak mahu Abdul Latif hanya bersaing dalam Sukan Para ASEAN tetapi mahu atlet berusia 19 tahun itu untuk bertanding bersama atlet *normal* di Sukan SEA tahun hadapan yang akan berlangsung di ibu negara.

Katanya, atlet kelahiran Perlis itu sudah membuktikan dia mampu memberi saingan kepada atlet normal ketika merangkul pingat emas Sukan Malaysia (Sukma) Sarawak, baru-baru ini.

“Latif, selepas ini Sukan SEA, saya tidak mahu dia masuk Para Asean sahaja, saya mahu dia bertanding di Sukan SEA kerana di Sukma dia sudah meraih pingat emas, saya nak dia bersaing dengan atlet *normal* kerana dia sudah buktikan kemampuannya.

“7.60m rekod awak, 7.88m adalah rekod kebangsaan... hanya 28 sentimeter sahaja, saya mahu awak pecahkan rekod kebangsaan ini dalam tempoh terdekat,” katanya semas majlis penyampaian ganjaran Naza Corporation

Holdings kepada pemenang pingat Sukan Paralimpik di Menara Naza, di sini hari ini.

Pada masa sama, Khairy turut melontarkan cabaran sama kepada pemenang pingat emas 100m T36 (*Cerebral Palsy*), Mohamad Ridzuan Mohamad Puzi, pemenang pingat emas lontar perulu F20 (masalah pembelajaran),

Muhammad Ziyad Zolkefli dan pemenang pingat gangsa lompat jauh T20 (masalah pembelajaran), Siti Noor Radiah Ismail.

“Ridzuan, terus berlari. Pecahkan rekod bawah 11 saat, saya yakin awak boleh berlari bawah 11s

“Ziyad, 17m. Itu janji awak kepada saya selepas ini dan Radiah, sekarang ini awak dapat gangsa, lepas ini di Tokyo 2020, pingat emas di dalam gengaman,” katanya.

Dalam pada itu, Khairy turut mengingatkan kesemua pemenang pingat Sukan Paralimpik Rio untuk menguruskan kejayaan yang diraih sebaik mungkin dan jangan sesekali membiarkan ganjaran dan status selebriti yang diraih mengaburi mata mereka.

Beliau turut mengingatkan mereka supaya sentiasa mengingati asal-usul selain kesusahan yang dialami sebelum ini sebelum bergelar juara.



KHAIRY JAMALUDDIN (kiri), SM Nasarudin SM Nasimuddin (dua dari kiri) bersama Muhammad Ziyad Zolkefli (kanan), Abdul Latif Romly (dua dari kanan) dan Mohamad Ridzuan Mohamad Puzi melihat replik suite, semalam.